KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	05/12/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	TNB			

Dua lokasi tumpuan di Tasik Kenyir ditutup sementara

Kuala Terengganu: Dua lokasi tarikan utama pelancongan di Tasik Kenyir di sini ditutup sementara berikutan fenomena air surut.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) Datuk Razali Idris berkata, ia membabitkan Santuari Kelah dan Gua Mewah.

Katanya, orang ramai tidak digalakkan berkunjung ke Tasik Kenyir sehingga proses tadahan selesai ketika gelombang pertama banjir sehingga pertengahan bulan ini.

"Fenomena air surut di Tasik Kenyir adalah perkara biasa setiap kali tibanya musim tengkujuh susulan proses pembuangan air untuk tadahan baharu dilakukan.

"Apabila memasuki musim tengkujuh, air akan dilepaskan bagi proses penadahan air hujan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Razali berkata demikian ketika mengulas keadaan air di tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara itu surut sejak seminggu lalu.

Katanya, lebih separuh daripada jumlah air di Tasik Kenyir terpaksa dilepaskan ke Sungai Terengganu.

"Tahun lalu, air lambat surut walaupun sudah dilepaskan, tetapi keadaannya berbeza musim ini, namun proses pelepasan air menyebabkan berlaku fenomena air surut adalah perkara biasa," katanya.

Terdahulu, Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd, Datuk Nor Azman Mufti dilaporkan berkata, tiga empangan TNB iaitu di Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak bersedia menakung kapasiti air dari hulu sungai yang dijangka meningkat.

Proses pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut SOP ditetapkan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan.

Air yang ditakung akan dilepaskan secara terkawal ke sungai bagi membantu pengawalan banjir di hilir empangan TNB.



SANTUARI Kelah di Tasik Kenyir terpaksa ditutup sementara atas faktor keselamatan.